

# Radio kekal relevan sebarkan maklumat

Perdana Menteri harap stesen radio terus hebah maklumat terkini selari fungsi

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Fungsi radio bagi menyampaikan maklumat terkini kekal relevan sepanjang masa, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ra-

dio bukan sahaja gaya hidup, tetapi keperluan seharian yang amat penting dalam kehidupan masa kini.

“Malaysia adalah antara negara kolonial British terawal menggunakan teknologi radio. Malah, pada pra dan pasca merdeka juga, radio menjadi medium penting untuk rakyat mendapatkan maklumat semasa pada masa itu.

“Melalui radio juga kita mengumpulkan semangat pejuang dalam mempertahankan tanah air,” katanya dalam satu hantaran di Facebook semalam bersempena sambutan Hari Radio Sedunia yang disambut pada 13 Februari setiap tahun.

Ismail Sabri berharap semua stesen radio di negara ini akan terus menyebarkan maklumat terkini selari dengan fungsi radio yang terus relevan tanpa mengira zaman.

“Bertemakan Radio dan Keyakinan, saya mengucapkan Selamat Hari Radio Sedunia bagi tahun 2022 dan teruskan menyebarkan informasi terkini kerana fungsi radio terus relevan sampai bila-bila,” katanya.

Jelasnya, radio begitu akrab dengan Keluarga Malaysia, malah ia menjadi nadi aspirasi kepada rakyat Malaysia tanpa mengira masa.

“Buktinya, radio menjadi peneman Keluarga Malaysia di

“Bertemakan Radio dan Keyakinan, saya mengucapkan Selamat Hari Radio Sedunia bagi tahun 2022 dan teruskan menyebarkan informasi terkini kerana fungsi radio terus relevan sampai bila-bila

*Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri*



waktu pagi, tengah hari, selain hiburan petang ketika rakyat memandu pulang dari pelbagai destinasi,” katanya.

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa mahu penyiar dan pengendali stesen radio meningkatkan kreativiti dalam penyampaian perkhidmatan kerana medium komunikasi itu mempunyai peranan besar dalam kemajuan negara bangsa.

Pada masa sama, beliau berkata, radio perlu sentiasa mengekalkan tahap profesionalisme kewartawanan bagi memastikan perkhidmatan itu kekal relevan dan berdaya maju.

“Kita ingin lihat kreativiti pe-

nyiar bagaimana mengadunkan bahan berita dengan muzik serta ilmu-ilmu asas seperti ilmu agama dan ilmu formal di sekolah juga boleh disediakan keupayaannya menggunakan suara dan teknologi radio.

“Saya sangat berharap daya kreativiti penyiar, pengendali stesen radio, penggiat dan pencinta komunikasi menerusi radio agar bersama-sama membangunkan perkhidmatan radio di Malaysia yang terbaik dan bermutu tinggi,” katanya ketika melancarkan sambutan Hari Radio Sedunia secara maya dalam program *Selamat Pagi Malaysia* yang disiarkan di *TV1* semalam.